



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	7/12/2018
JABATAN	:	KATS / PERHILITAN
0140KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Kerjasama negara luar

Malaysia harap kegiatan jual beli barang libatkan hidupan liar dihentikan

SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Malaysia berharap negara-negara luar dapat menghentikan penjualan dan pembelian barang melibatkan hidupan liar.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, negara seperti China perlu memberi kerjasama dalam



DR XAVIER

usaha melindungi haiwan terancam.

"Malaysia adalah ahli dalam Convention On International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (Cites) sejak 1978, tertakluk obligasi di bawah

konvensyen ini.

"Populasi tenggiling diancam aktiviti jenayah seperti pemburuan haram, penyeludupan hidupan liar dan pencerobohan kawasan perlindungan tenggiling juga diburu untuk dijadikan makanan eksotik, dan dipercayai sebagai bahan dalam pembuatan ubat tradisional."

"China salah satu negara yang membeli barang terlarang ini. Jadi kita berharap semua negara dapat hentikan sebarang pembelian dan jualan hidupan liar terancam ini demi kelangsungan populasi spesies lebih terjamin."

"Jika tiada permintaan, haiwan berkenaan tidak akan diburu lagi," katanya pada Majlis Pelupusan Barang Kes Sisik Tenggiling di Kualiti Alam, di sini.

Menurutnya, selain tenggiling turut menjadi buruan pemakan hidangan eksotik ialah harimau Malaya, beruang matahari dan Orang Utan.

Katanya, sebelum ini di Malaysia mempunyai lebih 3,000 harimau Malaya, kini tinggal lebih kurang 300 ekor sahaja berikutan aktiviti pemburuan haram.

"Harga pasaran mahal mendorong pemburu haram menjadikan tangkapan sebagai sumber pendapatan."

"Harga sisik tenggiling di Malaysia kira-kira RM500 per kg, tetapi di China boleh dijual sehingga RM13,000 setiap kg."

"Bagi harimau Malaya pula, harga di pasaran gelap antara RM100,000 hingga RM200,000 seekor bergantung kepada saiz," katanya.